

# PLANET MASMED

NO. 02

OKTOBER 2023

UiTM CNS



**ENCULTURE**

**ENGAGE**

**CREATE**



**EXCELLENT  
SYNERGY  
INTEGRITY**

eISSN 2805-5535



9 772805 553005

## GELAGAT USAHAWAN DALAM ACUAN TASAWWUR ISLAM

Dr. Rossidi bin Usop

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Seremban 3, Negeri Sembilan  
rossi\_sidi@yahoo.com/2021398263@isiswa.uitm.edu.my

Gelagat dari segi **makna** membawa maksud gerak geri, tingkah laku, perangai, personaliti atau keterampilan seseorang manusia. Hasil kajian tentang gelagat manusia, telah merumuskan bahawa 90% manusia secara umumnya tergolong mempunyai empat ciri karektor yang utama iaitu berkelakuan optimistik (20%), pesimistik (20%), mempercayai (trusting) (20%), dan dengki (envious) (30%).

Dalam ilmu ekonomi moden, terdapat satu sub-bidang yang membincangkan secara khusus berkaitan gelagat mereka yang terlibat dalam ekonomi. Sub-bidang tersebut dikenali sebagai *behavioral economics* (ekonomi gelagat/tingkah laku). Ianya berkaitan dengan kajian tentang psikologi individu dan institusi dalam proses membuat keputusan tentang ekonomi.

### Tasawur Islam

Tasawur Islam dari segi **makna** membawa erti satu gambaran bentuk Islam yang hakiki, yang menjelaskan secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara benar dan lengkap, sehingga bersehati di dalam diri orang yang memahaminya. **Sumber** tasawur Islam (Epistemologi) adalah dari ilmu naqli yang terdiri daripada sumber wahyu Al-Qur'an, Hadith, Ijmak dan Qiyas. **Pokok** tasawur Islam adalah mengEsakan Allah S.W.T sebagai Tuhan semesta alam, seterusnya manusia adalah makhluk (hamba dan khalifah) sebagai pelaku pembangunan, dan sumber alam yang dikurniakan Allah S.W.T adalah makhluk (alat pembangunan).

### Gelagat Usahawan Islam

Definisi gelagat usahawan Islam mungkin kelihatan sama dengan erti usahawan konvensional iaitu mempunyai sifat seorang yang (Persistence (Kegigihan), Patience (Sabar), Purpose (Tujuan), People (Orang) dan Profits (Keuntungan), tetapi maknanya berbeza sama sekali. Di sini ramai orang terperangkap berikutan hanya melihat definisi tersebut secara operationalnya sahaja tanpa memasukkan elemen tasawur Islam, ianya berikutan sekiranya diterapkan elemen tasawur istilah

gelagat usahawan Islam tersebut akan mempunyai tafsiran yang berbeza sama sekali dengan pengertian gelagat usahawan konvensional. Lazimnya, ibadah dalam Islam terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ibadah asas, amalan utama (*Fadho ilul 'Amal*) dan ibadah umum.

## 1. Ibadah Asas

Ibadah asas ini lebih cenderung berbentuk fardhu `ain. Dengan melaksanakan ibadah asas, manusia sebenarnya menegakkan hubungannya dengan Allah S.W.T (*hablum-minallah*). Dengan menegakkan hubungannya dengan Allah S.W.T (*hablum-minallah*), manusia sebenarnya menegakkan pembangunan kerohanian.

Secara lebih jelas, ibadah umum atau asas berkait rapat dengan rukun iman dan rukun Islam. Bermula dengan rukun iman, ketaatan terhadap rukun Iman sebagai salah satu usul akidah, yakni meyakini 6 rukun iman yang menjadi tunjang akidah umat Islam. Rukun berkenaan seperti yang sedia dimaklumi iaitu beriman kepada Allah, malaikat, kitab, rasul-rasul, hari kiamat serta qada dan qadar. Setiap satu daripadanya mempunyai perinciannya tersendiri yang perlu diyakini oleh seluruh umat Islam.

Selain rukun iman, ibadah asas juga terdiri daripada 5 rukun Islam. Berbeza dengan rukun iman, rukun Islam boleh diertikan sebagai perbuatan atau amalan yang berbentuk fizikal, secara perbandingan rukun iman adalah suatu amalan yang bersifat batiniah atau keyakinan di dalam hati. Justeru, bagi umat Islam seluruh dunia umumnya dan khususnya usahawan Islam, adalah diwajibkan untuk memahami rukun-rukun Islam dengan sebenar-benarnya agar gelagat usahawan dalam aktiviti keusahawanan secocok dengan kehendak agama.

## 2. Amalan-amalan utama (*Fadho ilul 'Amal*)

Amalan-amalan utama atau turut dikenali sebagai *fadho-ilul-amal* pula ialah amalan-amalan yang tidak wajib dilaksanakan tetapi sangat digalakkan dalam ajaran Islam. Amalan-amalan yang dimaksudkan tersebut adalah seperti berwirid, berzikir, bertasbih, melakukan perkara-perkara sunat dan sebagainya. Secara asasnya amalan-amalan utama ini lebih berbentuk amalan-amalan tambahan kepada amalan-amalan wajib, atau dengan kata lain yakni yang sunat-sunat. Kaedah ibadah asas dan amalan utama, yang membawa kepada pembangunan kerohanian tidak terlepas dari ilmu-ilmu Fardhu `Ain, yakni Tauhid, Fekah dan Tasawuf. Dalam mengerjakan sembahyang, puasa, haji dan sebagainya, ketiga-tiga unsur ini mesti dilaksanakan secara sepadu.

### **3. Ibadah umum**

Di dalam ibadah umum, kaedahnya ditentukan oleh lima syarat utama. Pertama, niat mestilah kerana Allah S.W.T. Kedua, isinya mestilah tidak bertentangan dengan syariat. Ketiga, pelaksanaannya mestilah menurut syariat. Keempat, natijahnya tidak bertentangan dengan syariat. Dan kelima, ibadah-ibadah asas tidak ditinggalkan. Ertinya dalam menegakkan ibadah umum, yang hasilnya ialah pembangunan fizikal dan material, inilah kaedah-kaedahnya.

Gabungan antara kaedah ibadah asas, amalan-amalan utama dan ibadah umum membentuk satu kaedah pembangunan berteraskan Islam. Atas sebab itulah maka kaedah pembangunan usahawan yang berteraskan Islam sebenarnya adalah kaedah ibadah. Oleh itu, dengan itulah maka aktiviti keusahawanan menjadi alat kepada pengabdian manusia kepada Allah SWT, sesuai dengan fungsi kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Dengan ini maka selamatlah usahawan Islam dari derhaka dalam taat, atau taat dalam derhaka.

#### **Syarat Ibadah**

Secara umumnya, terdapat empat syarat ibadah yang perlu mendapat perhatian sewajarnya oleh setiap usahawan Islam iaitu niat berniaga, isi perniagaan, kaedah perniagaan dan natijah perniagaan.

#### **1. Niat Berniaga**

Bagi syarat pertama iaitu niat berniaga, gagasan ini menekankan kepada niat seseorang usahawan itu memulakan perniagaan atau kenapa beliau memilih kerjaya menjadi seorang usahawan? Dalam menjawab persoalan ini, pelbagai jawapan akan diberikan oleh usahawan yang terlibat antara jawapan lazim yang akan diperolehi adalah seperti mencari pengalaman, mendapat ilmu pengetahuan, memperoleh keuntungan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam melahirkan seorang usahawan Islam yang ideal dengan kehendak Islam, dalam memenuhi syarat niat berniaga para usahawan Islam mesti menanam niat berniaga hanyalah kerana Allah S.W.T melebihi niat-niat yang lain. Dengan menanam niat berniaga kerana Allah S.W.T, para usahawan Islam akan secara tidak disedari akan cuba sedaya upaya berniaga untuk menegakkan imej dan syiar Islam dalam pengedaran produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat mereka.

## **2. Isi Perniagaan**

Syarat kedua pula berkaitan isi perniagaan, secara amnya, agama Islam tidak pernah melarang seseorang Muslim itu menceburi apa jua aktiviti perniagaan selagi ianya mematuhi peraturan serta prinsip yang telah Allah S.W.T telah tetapkan iaitu saling redha meredai dalam urus niaga, tidak memonopoli, tiada unsur-unsur penipuan, tiada unsur riba, tidak mengurangi timbangan, serta dilarang sama sekali melakukan kezaliman kepada pengguna. Kesemua prinsip-prinsip tersebut dinyatakan dalam ayat al-Quran bagi dijadikan panduan kepada para usahawan sebagai pedoman dalam urusan muamalat antara peniaga dan pembeli. Justeru, dalam memilih jenis perniagaan, perkara utama yang wajib diambil berat oleh seorang usahawan Islam adalah menitik beratkan soal halal dan toyyib ataupun memberi manfaat kepada pengguna.

## **3. Kaedah Perniagaan**

Membicarakan tentang kaedah perniagaan yang menjadi syarat ketiga pula, sebagai pelaku pembangunan, seorang usahawan tidak dapat tidak mungkin memerlukan bantuan sumber kewangan sebagai modal bagi mengembangkan sayap perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, adalah haram sama sekali bagi usahawan Islam untuk terjerumus kepada pinjaman perniagaan yang mempunyai unsur riba. Ini kerana terdapat banyak hasil dapatan kajian yang mendapati solusi pinjaman riba yang masih diamalkan oleh kebanyakan usahawan telah menjadi punca utama mengapa orang Islam masih gagal dalam perniagaan diceburi. Selain itu, dalam menjalankan pengiklanan produk, usahawan Islam harus menjaga tatatertib dan etika dalam mempromosikan produk keluaran syarikat.

## **4. Natijah Perniagaan**

Bagi syarat ibadah yang keempat iaitu natijah perniagaan, konsep usahawan kaya sering menjadi impian dan matlamat bagi seseorang usahawan. Islam tidak pernah menghalang umatnya menjadi kaya dan berharta, bahkan Islam amat menggalakan umatnya menjadi kaya untuk berbakti pula kepada golongan kurang bernasib baik yakni golongan fakir dan miskin yang terdapat dalam masyarakat. Secara umumnya, kekayaan terhasil daripada usaha, kecemerlangan dan pencapaian yang dikecapi oleh seseorang usahawan. Apabila seseorang usahawan itu berjaya menghasilkan

produktiviti yang tinggi, maka secara langsung akan terhasil nisbah keuntungan yang tinggi sebagai pulangan kecemerlangan beliau.

## Kesimpulan

Tauhid dapat menyedarkan manusia yang merupakan hamba bahawa hidup ini perlu ditanamkan perasaan rasa bertuhan. Oleh itu, dalam berniaga manusia tetap berada dalam pengawasan dan dalam rangka melaksanakan perintah Tuhan (*ibadah*). Oleh itu, tanggungjawab sosial sebagai khalifah Allah S.W.T dimuka bumi ini harus dijalankan dengan penuh amanah untuk akhirnya mendapat redha Allah S.W.T. justeru, sebagai usahawan Islam ilmu pengetahuan yang jitu harus dicari dan digali sedalam-dalamnya khasnya ilmu-ilmu berkaitan Aqidah iaitu ilmu Tauhid, ilmu Fekah sebagai syariat mengenal halal haram dalam perniagaan serta ibadah asas dan akhirnya dilengkapi dengan ilmu Tasawuf yakni ilmu Akhlak supaya manusia sebagai usahawan tidak meninggi diri dengan merasa sombong dan takabur apabila memperoleh kejayaan kelak. Rajah di bawah merupakan asas gelagat usahawan dalam acuan tasawur Islam yang harus menjadi panduan kepada seluruh usahawan Islam.

